

Simposium di UM tetap diterus — PM

UM 30 JUN 2001

Oleh ROZAMAN ISMAIL
dan MOHD. SHAHAR
AKASHAH

BUKIT MERTAJAM 29 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Simposium Penegeasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa Alaf Baru yang dijadualkan berlangsung di Dewan Tunku Canselor Universiti Malaya (UM) akan tetap diteruskan esok.

Perdana Menteri berkata, simposium itu akan diadakan di sebuah dewan lain di UM berikutan hampir keseluruhan dewan tersebut musnah dalam kebakaran pagi ini.

“Kita ingin teruskan juga majlis itu, mungkin di tempat lain, melainkanlah timbul terlalu banyak masalah sehingga tidak dapat diadakan majlis itu,” katanya pada sidang akhbar selepas menamatkan lawatan dua harinya ke Pulau Pinang di Politeknik Seberang Perai, di sini, hari ini.

Simposium tersebut dijadual dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi manakala majlis penutupannya, Ahad ini oleh Perdana Menteri.

Simposium yang dijangka dihadiri oleh 3,000 pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta itu dijadual diadakan di dewan tersebut.

Dewan yang dibina pada 1949 itu terbakar dalam kejadian pada pukul 3.45 pagi ini dan memusnahkan hampir 80 peratus bangunan dewan berkenaan.

Ditanya kemungkinan kejadian itu berpunca daripada perbuatan sabotaj, Dr. Mahathir berkata, kejadian tersebut perlu disiasat dan kerajaan tidak mahu membuat sebarang tuduhan liar mengenainya.

“Kita tidak hendak salahkan orang secara rambang, kita akan selidik untuk tentukan siapa yang bertanggungjawab terhadap kejadian yang tidak diinginkan itu,” kata beliau lagi.

Perdana Menteri turut ditanya mengenai desakan Ketua Puteri UMNO, Azalina Othman Said agar Naib Canselor UM, Profesor Datuk Dr. Anuar Zaini Mohd. Zain meletak jawatan berikutan kegagalannya menangani serta membendung beberapa siri kegiatan mahasiswa universiti itu yang jelas berunsurkan antikerajaan sejak akhir-akhir ini.

Dr. Mahathir berkata, tuduhan tidak boleh dibuat *sewenang-wenang*.

“Kita tidak tahu sama ada salah VC (Naib Canselor) atau tidak, kita tidak boleh *sewenang-sewenang*nya buat tuduhan,” kata beliau.

Menjawab soalan lain, Dr. Mahathir berkata, pada masa ini terdapat juga kecenderungan di kalangan pelajar universiti membenarkan diri mereka dipergunakan oleh pihak lain untuk menjalankan aktiviti yang bersifat militan di universiti.

“Tidak dapat tidak kita lihat ia mirip ke arah itu, seolah-olah mereka pergi ke universiti bukan untuk belajar tetapi untuk ambil bahagian dalam kegiatan

yang tidak ada kaitan sama sekali dengan pelajaran.

“Kalau kita dapati ini satu kebenaran, kita kena kaji semula tentang penempatan pelajar di universiti sekarang,” tegasnya.

Kata Dr. Mahathir, kerajaan membelanjakan kos pendidikan 10 kali lebih tinggi daripada yuran yang perlu dibayar oleh pelajar yang diterima masuk ke universiti dan sebahagian besarnya pula mendapat biasiswa.

Sehubungan itu, kata Perdana Menteri, mereka perlu mengutamakan pelajaran masing-masing dan tidak melibatkan diri dalam kegiatan yang tiada kaitan dengan pelajaran.

“Kalau sudah tidak minat belajar, tidak ada gunanya kita memberikan tempat di universiti kepada mereka. Kita bagi tempat kepada orang lainlah,” katanya.

Sementara itu Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang turut mengiringi Perdana Menteri sepanjang lawatan itu berkata, pada masa ini siasatan masih lagi dijalankan dan tidak ada keputusan yang konklusif berhubung kebakaran itu.

“Kita tidak boleh buat sebarang spekulasi mengenai sekarang, polis dan jabatan berkaitan seperti Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Bomba dan Jabatan Kimia sedang jalankan siasatan masing-masing dan setelah semua itu diperoleh barulah kita boleh buat satu kepastian,” ujarnya.